



PENGARAH
MAHKAMAH KUALA LUMPUR
KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR
JALAN DUTA
50506 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-6209 4000

Faks : 03-6209 4211
03-6209 4040

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: [14] MKL.100-20/2 JLD. 2

Tarikh: 28 Dis. 2016

SEPERTI SENARAI EDARAN



YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENGKHUSUSAN MAHKAMAH BAGI MENDENGAR DAN MENGENDALIKAN KES-KES JENAYAH YANG MELIBATKAN KESALAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI MAHKAMAH MAJISTRET JENAYAH KUALA LUMPUR

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa berkuatkuasa 3hb. Januari 2017, sejumlah 4 buah Mahkamah Majistret Jenayah di Kuala Lumpur akan dikhususkan bagi mendengar kes-kes jenayah berkaitan kesalahan yang melibatkan penyalahgunaan dadah. Mahkamah-Mahkamah tersebut adalah seperti berikut:-

- a) Mahkamah Majistret Jenayah 1;
- b) Mahkamah Majistret Jenayah 4;
- c) Mahkamah Majistret Jenayah 5; dan
- d) Mahkamah Majistret Jenayah 9

3. Sehubungan dengan itu, berkuatkuasa pada tarikh yang sama, pendaftaran dan pendengaran kes-kes jenayah di Mahkamah Majistret Jenayah Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

- i) Kes-kes yang melibatkan kesalahan penyalahgunaan dadah akan didaftarkan di Mahkamah-Mahkamah yang disenaraikan di atas;
- ii) Kes-kes jenayah tangkapan am akan hanya didaftarkan di Mahkamah Majistret Jenayah 2 dan Mahkamah Majistret Jenayah 3;
- iii) Bagi kes-kes jenayah berkaitan penyalahgunaan dadah yang melibatkan pesalah kanak-kanak, kes-kes tersebut akan kekal didaftarkan di Mahkamah Kanak-Kanak;
- iv) Bagi kes-kes jenayah berkaitan penyalahgunaan dadah yang melibatkan pesalah warganegara asing, kes-kes tersebut akan didaftarkan di Mahkamah Majistret Jenayah 5;

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)


- v) Pendengaran kes-kes jenayah melibatkan penyalahgunaan dadah dan tangkapan am yang telah didaftarkan sebelum 3hb. Januari 2017 akan kekal dan diteruskan di Mahkamah di mana kes-kes tersebut telah didaftarkan;
- vi) Kes-kes jenayah yang melibatkan kesalahan (tangkapan oleh pihak polis) di bawah Akta Imigresen, kes-kes jenayah tangkapan am yang melibatkan warganegara asing dan sebutan/pengurusan kes untuk kes-kes yang melibatkan hukuman mandatori akan didaftar dan didengar di Mahkamah Majistret Jenayah 7; dan
- vii) Tugas-tugas yang lain akan kekal sebagaimana yang diamalkan sebelum ini.

4. Kerjasama semua di dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(HASBI BINTI HASAN)
Pengarah
Mahkamah Kuala Lumpur

SENARAI EDARAN

1. **SEMUA PEGAWAI MAHKAMAH KUALA LUMPUR**
2. **SEMUA KAKITANGAN MAHKAMAH KUALA LUMPUR**
3. **UNIT PENTADBIRAN AM DAN FAIL**
MAHKAMAH KUALA LUMPUR
4. **UNIT KESELAMATAN DAN SENGGARAAN**
MAHKAMAH KUALA LUMPUR
5. **UNIT ASET**
MAHKAMAH KUALA LUMPUR
6. **OPERATOR MAHKAMAH KUALA LUMPUR**
7. **KETUA UNIT PENDAKWAAN**
JABATAN PEGUAM NEGARA
CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN
UNIT PENDAKWAAN
TINGKAT 7, (SAYAP KANAN) WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, DAMANSARA HEIGHTS
50490 KUALA LUMPUR
8. **DSP ZULKIFLI BIN OSMAN**
PEGAWAI YANG MENJAGA
POLIS MAHKAMAH KUALA LUMPUR
-  9. **KUALA LUMPUR BAR COMMITTEE**
4TH FLOOR
WISMA HANGSAM
NO. 1, JALAN HANG LEKIR
50000 KUALA LUMPUR
10. **BAR COUNCIL (MAJLIS PEGUAM)**
NO. 13, 15 & 17
LEBOH PASAR BESAR
50050 KUALA LUMPUR